

**ANALISIS KEBOLEHGUNAAN LAMAN SESAWANG
PERPUSTAKAAN UNIVERSITI SEBAGAI PORTAL
MAKLUMAT SEHENTI**

Syahrul Nizam Junaini

Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia
syahruln@fit.unimas.my

* Kertas ini telah dibentangkan di *Seminar Kepustakawanan 2014*, 25-26 September 2014, Kuching, Sarawak

ABSTRAK

Laman sesawang adalah portal maklumat sehenti bagi pengunjung yang ingin mengakses sumber digital perpustakaan universiti awam di Malaysia. Malangnya kedapatan perpustakaan universiti yang kadar kebolehgunaan laman sesawangnya masih rendah sehingga menyukarkan pengguna. Kertas kerja ini menyelidiki punca masalah. Analisis ringkas perbandingan kebolehgunaan beberapa laman sesawang perpustakaan universiti telah dilakukan, dengan fokus pada laman utama sahaja. Cadangan penambahbaikan turut diutarakan ke arah menjadikan laman sesawang perpustakaan universiti sebagai portal maklumat sehenti pilihan pengguna.

Kata kunci: Laman sesawang; Portal maklumat; Perpustakaan universiti; Media sosial

ABSTRACT:

Web sites are a one-stop information portal for visitors who wish to access digital resources from public university libraries in Malaysia. Unfortunately, findings have indicated that there are university libraries whose web sites' usability rate is still low making it difficult for users to access them. This paper examines the cause of the problem. A simple analysis was conducted to compare the usability of a number of university library web sites focusing only on their main web site. Recommendations for improvements are made with the aim of making university library web sites a one-stop information portal of choice by the users.

Keywords: Websites; Information portal; University libraries; Social media

PENGENALAN

Laman sesawang adalah laluan penting bagi pengunjung yang ingin mendapat capaian terhadap sumber maklumat perpustakaan terutama dari luar kampus (Kim &

Syahrul Nizam Junaini

DeCoster, 2011). Malah pada zaman Internet ini, rata-rata pengunjung perpustakaan memilih untuk melayari sahaja laman sesawang perpustakaan secara maya berbanding datang sendiri secara fizikal. Namun ada antara pentadbir laman yang terlepas pandang kepentingan perkara ini (Kuruppu & Gruber, 2006). Bagi pelajar universiti pula, laman sesawang perpustakaan menjadi talian hayat bagi menyiapkan tugas dan projek (Gibbs, Boettcher, Hollingsworth & Slania, 2012). Hal ini kerana sesetengah sumber maklumat dalam talian yang dilanggan pihak perpustakaan memerlukan pelajar masuk ke laman sesawang perpustakaan universiti terlebih dahulu (contohnya capaian ke *Books24x7*).

Kertas kerja ringkas ini mempunyai seksyen-seksyen berikut: Seksyen kedua akan menghuraikan tentang asas isu kebolehgunaan laman dan integrasi media sosial pada laman sesawang. Kemudian seksyen ketiga (metodologi) akan menghuraikan bagaimana analisis dibuat. Seksyen seterusnya akan membincangkan analisis faktor kebolehgunaan laman sesawang 18 perpustakaan IPTA. Seksyen berikutnya akan menghuraikan implikasi kajian dan perbincangan bagaimana kebolehgunaan laman dapat dipertingkatkan. Kertas kerja ini akan ditutup dengan seksyen kesimpulan.

KEBOLEHGUNAAN LAMAN DAN INTEGRASI MEDIA SOSIAL

Senario semasa menunjukkan kedapatan perpustakaan universiti yang kadar kebolehgunaan laman sesawangnya adalah rendah sehingga menyukarkan pengguna. Mengapa isu kebolehgunaan laman sesawang begitu penting? Isu kebolehgunaan laman sesawang dapat dilihat daripada pelbagai aspek. Antara aspek yang biasa disentuh ialah aspek mesra pengguna. Ia dinilai daripada segi bagaimana ikon, menu dan elemen antara muka lain dapat memudahkan pemahaman dan interaksi pengguna. Hal ini seterusnya menentukan sama ada laman sesawang itu benar-benar membantu pengguna atau sebaliknya. Kesannya pengalaman pertama melayari laman sesawang menentukan seseorang mengunjungi semula laman yang sama atau menjauh daripadanya.

Dalam konteks penggunaan laman sesawang perpustakaan universiti pula, pengalaman mengguna kali pertama menentukan sikap pencarian maklumat dalam kalangan pengguna (Korobili, Malliari, Zapounidou & Zapounidou, 2011). Segalagalanya kembali semula kepada faktor kebolehgunaan. Untuk itu banyak usaha penyelidikan dilakukan terhadap kebolehgunaan laman sesawang perpustakaan universiti. Antaranya oleh perpustakaan Bowling Green State University (BGSU), Ohio, Amerika Syarikat (Fry & Rich, 2011). Mereka melakukan ujian kebolehgunaan laman sesawang universiti sebagai langkah awal sebelum melakukan proses reka bentuk semula.

Selain itu, dalam usaha laman sesawang perpustakaan universiti menjadi portal maklumat sehenti pilihan pengguna, ia tidak dapat lari daripada mempunyai elemen Web 2.0. Antara pautan yang 'wajib' adalah ke Facebook, Twitter, Blog dan *Really*

Analisis kebolegunaan laman sesawang perpustakaan universiti sebagai portal maklumat sehenti

Simple Syndication (RSS). Elemen ini terbukti dapat mengintegrasikan laman sesawang perpustakaan universiti dengan pengguna yang kini mula beralih ke media sosial (Xu, Ouyang & Chu, 2009).


METODOLOGI

Proses menganalisis aspek kebolegunaan laman sesawang telah dilakukan menggunakan alat pengujian *I Web Check* (iwebchk.com). Alat komprehensif dalam talian ini berkebolehan melakukan analisis kandungan laman secara automatik bagi menguji, antara lain petunjuk media sosial, penarafan populariti trafik dan kelajuan paparan (tepat sehingga tarikh pengujian 26 Ogos 2014). Analisis lain termasuk mengesan imej yang tercicir teks *ALT* dan bilangan pautan (dalaman dan luaran). Ranking dan markah hasil ujian setiap laman serta alamat pautan ke laporan lengkap analisis dapat dilihat pada lampiran. Keputusan analisis akan dihuraikan dalam seksyen berikut.

KEPUTUSAN DAN ANALISIS

Petunjuk media sosial


Daripada segi bilangan sokongan (*like*) pada laman Facebook perpustakaan, perpustakaan UM mengungguli carta dengan hampir 17,000 *like* berbanding 10 perpustakaan lain (Rajah 1). Tiada data diperolehi untuk baki perpustakaan lain. Puncanya mungkin pentadbir laman Facebook mereka membuka akaun sebagai individu (personal page) dan bukannya sebagai laman peminat (*fan page*). Ia menyebabkan sistem *I Web Check* mengabaikannya.



Rajah 1: Bilangan *like* laman Facebook perpustakaan

Ranking populariti trafik

Seterusnya, penarafan populariti trafik membandingkan populariti laman sesawang perpustakaan universiti berbanding laman lain di seluruh negara (Rajah 2). Tiada data diperoleh untuk perpustakaan UPNM. Semakin rendah ranking, semakin popular laman sesawang perpustakaan universiti itu di Malaysia.



Rajah 2: Ranking populariti trafik


Rajah 2 menunjukkan laman sesawang perpustakaan UiTM mendapat penarafan tertinggi (ke-179 paling kerap dikunjungi di Malaysia) mungkin kerana bilangan pelajar universiti itu yang ramai. Ini diikuti UTM (ke-465) dan UPM (ke-541). Berdasarkan data penarafan trafik keluaran firma ranking Alexa, kebanyakan laman sesawang perpustakaan universiti kurang mendapat tempat di hati pelayar Internet. Hal ini mungkin kerana sifat laman sesawang perpustakaan universiti yang bukan menyasarkan pengunjung umum.

Kelajuan paparan

Kelajuan paparan menjadi antara faktor terpenting menentukan kebolehgunaan laman sesawang. Hampir tiada pengunjung yang sanggup menunggu walau lima saat untuk teks dan gambar pada laman dipaparkan sepenuhnya. Rajah 3 menunjukkan masa yang diambil bagi teks dan grafik dipaparkan sepenuhnya (dalam saat) dan saiz laman utama (MB).

Rajah 3 menunjukkan bahawa secara purata punca laman mengambil masa lama untuk dipaparkan ialah kerana saiz kandungannya yang besar. Perpustakaan UPM paling pantas dalam memaparkan kandungan dengan cuma 2.29 saat. Sementara itu, perpustakaan UMP mengambil masa paling lama dengan pengguna terpaksa menunggu hingga lebih 20 saat.


Analisis kebolegunaan laman sesawang perpustakaan universiti sebagai portal maklumat sehenti



Rajah 3: Masa paparan dan saiz laman utama

Analisis kesederhanaan reka bentuk

Faktor kesederhanaan (*simplicity*) reka bentuk laman sesawang perpustakaan universiti dapat ditingkatkan dengan memfokuskan kepada lima hingga sembilan menu utama sahaja. Teks atau butang menu ‘Koleksi,’ ‘Perkhidmatan’ dan ‘Direktori’ hendaklah dipaparkan dengan jelas pada bahagian atas laman (*above the fold*). Bagi pilihan menu lebih daripada tujuh elemen, cara mudah ialah dengan menggunakan fungsi menu Pautan Pantas (*Quick Links*).



Rajah 4: Elemen reka bentuk kekotak

Syahrul Nizam Junaini

Sebagai tambahan, penggunaan terlalu banyak elemen ‘kekotak’ menyebabkan mata pengguna tidak dapat fokus mencari elemen maklumat utama. Walaupun laman sesawang perpustakaan UNIMAS mendapat penarafan tempat pertama keseluruhan, namun di sini sedikit kelemahan wujud pada reka bentuk lamannya. Rajah 4 menunjukkan elemen ‘kekotak’ yang digunakan untuk memaparkan maklumat pada laman utama. Kesannya maklumat utama seksyen ‘Berita Terkini’ yang sepatutnya ditonjolkan dalam lajur tengah laman menjadi agak tenggelam.

Selain itu, elemen reka bentuk grafik yang sekadar bertujuan menghias laman esok sahaja dibuang. Ia bukan sekadar tidak berfungsi, malah menyesakkan laman dan melambatkan masa paparan. Rajah 5 pula menunjukkan contoh elemen grafik yang boleh dibaiki kerana teks yang sama sudah jelas terpapar. Lebih menghairankan, kedua-dua teks dan grafik itu tidak dapat diklik kerana pautannya tidak berfungsi.



Rajah 5: Masalah pengulangan pada teks dan imej



Rajah 6: Reka bentuk grafik yang tidak bersifat sederhana

Analisis kebolegunaan laman sesawang perpustakaan universiti sebagai portal maklumat sehenti

Sebagai tambahan, reka bentuk grafik dengan ikon ringkas adalah lebih baik berbanding reka bentuk latar belakang yang kusut masai. Masalah ini menjadi parah apabila kurangnya kontra antara warna teks dengan warna latar belakang. Rajah 6 menunjukkan reka bentuk grafik yang tidak bersifat sederhana.

IMPLIKASI DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis oleh *I Web Check*, antara penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh pentadbir laman sesawang perpustakaan universiti adalah seperti berikut:

- Tambahkan teks berkaitan kata kunci (*keyword-rich*) pada laman utama yang akan menaikkan keputusan enjin carian.
- Paparkan dengan jelas ikon pautan ke Facebook, Twitter dan sebagainya. Dari laman media sosial itu pula, popularkan pautan daripada laman sesawang perpustakaan universiti itu dengan lebih kerap.
- Tambahkan penerangan meta dan teks alternatif (*ALT text*) pada gambar bagi meningkatkan keberkesanan carian imej dan memudahkan pengguna kurang upaya.

Daripada segi kesederhanaan reka bentuk laman utama pula, antara tindakan penting yang perlu dilakukan adalah:

- Hadkan bilangan menu utama kepada 7 ± 2 item sahaja.
- Buangkan elemen reka bentuk yang cuma bertujuan menghias.
- Kurangkan panjang halaman dan letakkan kandungan utama di bahagian atas skrin.
- Elakkan pengguna terpaksa mengerakkan bar tatal (*scroll bar*) ke kanan skrin.
- Kurangkan penggunaan warna yang pelbagai.

KESIMPULAN

Secara umumnya, kadar kebolegunaan laman sesawang perpustakaan universiti Malaysia adalah memuaskan. Hal ini kerana masih wujud kekangan seperti integrasi media sosial yang lemah, trafik masuk kurang popular serta paparan perlahan dan reka bentuk laman yang kompleks. Kertas kerja ini melaporkan hasil ujian automatik kadar kebolegunaan laman sesawang perpustakaan universiti. Bagaimanapun perbezaan pada dimensi aspek kebolegunaan yang dinilai menjadikan keputusan ujian ini tidak benar-benar komprehensif dan tidak mencerminkan hal sebenar. Cadangan penambahbaikan reka bentuk yang diutarakan (biarpun ringkas) jika diaplikasikan akan dapat menjadikan laman sesawang perpustakaan universiti portal maklumat sehenti pilihan pengguna.

RUJUKAN

- Fry, A. & Rich, L. 2011. Usability testing for e-Resource discovery: How students find and choose e-resources using library web sites. *Journal of Academic Librarianship*, Vol. 37, no. 5, 386-401. doi:10.1016/j.acalib.2011.06.003
- Gibbs, D., Boettcher, J., Hollingsworth, J. & Slania, H. 2012. Assessing the Research needs of graduate students at Georgetown University. *Journal of Academic Librarianship*, Vol. 38, no. 5, 268-276. doi:10.1016/j.acalib.2012.07.002
- Kim, S. & DeCoster, E. 2011. Organizational schemes of information resources in top 50 academic business library websites. *Journal of Academic Librarianship*, Vol. 37, no. 2, 137-144. doi:10.1016/j.acalib.2011.02.005
- Korobili, S., Malliari, A., Zapounidou, S. & Zapounidou, S. 2011. Factors that influence information-seeking behavior: The case of Greek graduate students. *Journal of Academic Librarianship*, Vol. 37, no. 2, 155-165. doi:10.1016/j.acalib.2011.02.008
- Kuruppu, P. U. & Gruber, A. M. 2006. Understanding the information needs of academic scholars in agricultural and biological sciences. *Journal of Academic Librarianship*, Vol. 32, no. 6, 609-623. doi:10.1016/j.acalib.2006.08.001
- Xu, C., Ouyang, F. & Chu, H. 2009. The academic library meets Web 2.0: Applications and implications. *Journal of Academic Librarianship*, Vol. 35, no. 4), 324-331. doi:10.1016/j.acalib.2009.04.003

*Analisis kebolegunaan laman sesawang perpustakaan
universiti sebagai portal maklumat sehenti*

LAMPIRAN

Ranking	Markah (%)	Universiti	Alamat laporan lengkap analisis
1	69.2	UNIMAS	http://iwebchk.com/reports/view/www.cais.unimas.my
2	64.2	USM	http://iwebchk.com/reports/view/lib.usm.my
3	62.3	UIAM	http://iwebchk.com/reports/view/lib.iium.edu.my
4	61.5	UPNM	http://iwebchk.com/reports/view/lib.upnm.edu.my
5	60.4	UTeM	http://iwebchk.com/reports/view/library.utm.edu.my
6	59.6	UM	http://iwebchk.com/reports/view/umlib.um.edu.my
7	57.7	UMP	http://iwebchk.com/reports/view/umplibrary.ump.edu.my
8	55.8	UniSZA	http://iwebchk.com/reports/view/perpustakaan.unisza.edu.my
9	55.8	UMT	http://iwebchk.com/reports/view/ppdsnz.umd.edu.my
10	55.8	USIM	http://iwebchk.com/reports/view/lib.usim.edu.my
11	53.8	UUM	http://iwebchk.com/reports/view/cmslib.uum.edu.my
12	48.1	UPSI	http://iwebchk.com/reports/view/pustaka.upsi.edu.my
13	47.3	UniMAP	http://iwebchk.com/reports/view/mylibrary.unimap.edu.my
14	46.2	UTM	http://iwebchk.com/reports/view/ent.library.utm.my
15	36.9	UiTM	http://iwebchk.com/reports/view/library.uitm.edu.my
16	35.8	UPM	http://iwebchk.com/reports/view/lib.upm.edu.my
17	34.0	UMK	http://iwebchk.com/reports/view/perpustakaan.umk.edu.my
18	26.4	UTHM	http://iwebchk.com/reports/view/lms.uthm.edu.my

Nota: Tiada data untuk laman sesawang perpustakaan universiti UKM dan UMS kerana ujian tidak dapat dibuat terhadap laman sesawang yang berada dalam sub-direktori laman universiti (contohnya www.ums.edu.my/library).